

Bil. S 44

**PERINTAH DARURAT (PENYIARAN), 1997**

**KENYATAAN PENYIARAN (TATAAMALAN), 1998**

Adalah dengan ini diberitahu untuk makluman umum bahawa, pada menjalankan kuasa-kuasa yang diberikan oleh bab 9 dari Perintah Darurat (Penyiaran), 1997 maka Menteri yang bertanggungjawab bagi perkara-perkara penyiaran, dengan titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan, telah mengeluarkan, mulai dari 1 haribulan Januari, 1998, Tataamalan Bagi Rancangan-Rancangan Perkhidmatan Penyiaran dan Tataamalan Pengiklanan sebagaimana yang dinyatakan masing-masing dalam Jadual Pertama dan Jadual Kedua :

**JADUAL PERTAMA**

**TATAAMALAN PERKHIDMATAN PENYIARAN  
RANCANGAN-RANCANGAN**

**Pendahuluan :**

- A. Tataamalan ini (selepas ini disebut sebagai "Tataamalan") adalah dikeluarkan di bawah bab 9 Perintah Darurat (Penyiaran), 1997 dan dikenakan kepada semua rancangan-rancangan televisyen dan radio, termasuk semua perkhidmatan penyiaran yang bebas untuk disiarkan.
- B. Peruntukan-peruntukan yang terkandung dalam tataamalan ini hendaklah diamalkan menurut hasrat dan maksudnya. Penyiar, termasuk penyunting dan penerbit rancangan-rancangan televisyen dan radio hendaklah memastikan bahawa rancangan-rancangan yang tidak memenuhi peruntukan-peruntukan dalam Tataamalan ini tidak disiarkan.
- C. Semua rancangan-rancangan yang bercanggah dengan kepentingan awam, keharmonian negara atau yang melanggar citarasa yang baik atau tatasusila hendaklah tidak disiarkan.

**Garispandu Perkhidmatan**

Setiap siaran rancangan mestilah mengambil perhatian perkara tersebut :

**1. Keselamatan Negara**

- a) Rancangan-rancangan hendaklah tidak menjaskan kepentingan keselamatan awam, pertahanan negara dan kepercayaan awam terhadap undang-undang dan penguatkuasaannya.

- b) Rancangan-rancangan hendaklah tidak meningkatkan nilai-nilai atau ciri-ciri yang jelas bercanggah dengan objektif negara.
- c) Rancangan-rancangan yang berunsur politik atau kegiatan yang bercanggah dengan sistem pemerintahan Negara Brunei Darussalam masa kini hendaklah tidak disiarkan sama sekali.

## 2. Keharmonian Bangsa dan Ugama

- a) Rancangan-rancangan yang berunsur keagamaan hendaklah diberikan perhatian yang sewajarnya bagi memastikan agar ianya tidak menjelaskan kestabilan kepercayaan kepada amalan aqidah Ahli Sunnah Wal-Jemaah di Negara Brunei Darussalam umumnya.
- b) Rancangan-rancangan yang boleh membawa kepada murtad atau mempersendakan dan/atau memperkecilkan ugama Islam hendaklah tidak disiarkan sama sekali.
- c) Rancangan-rancangan yang disiarkan mestilah tidak berpotensi menggugat sikap taat dan akur masyarakat Islam di Negara Brunei Darussalam terhadap ajaran ugama Islam.
- d) Rancangan-rancangan yang mempaparkan atau boleh menimbulkan simpati terhadap kepercayaan ugama-ugama lain, selain dari ugama Islam hendaklah tidak disiarkan sama sekali.

## 3. Penanda Amaran

- a) Semua rancangan-rancangan televisyen termasuk wayang gambar, drama, hiburan dokumentari, "sitcom" dan seumpamanya (kecuali rancangan-rancangan berita) hendaklah diberikan penanda-penanda tertentu dan bersesuaian.
- b) Penanda-penanda amaran adalah seperti berikut :-
  - i) U – Sesuai untuk tontonan semua peringkat umur.
  - ii) 12 – Hanya sesuai untuk ditonton oleh kanak-kanak berumur di antara 12 dan ke atas.
  - iii) PG – Hanya sesuai bagi tontonan oleh kanak-kanak yang menonton bersama ibu-bapa ; atau bagi tontonan kanak-kanak dengan bimbingan ibu-bapa.
  - iv) 18 – Hanya sesuai bagi tontonan penonton yang berumur 18 tahun ke atas atau dewasa.
- c) Rancangan-rancangan televisyen yang telah diberikan penanda-penanda tertentu mestilah disiarkan dalam waktu-waktu yang

## **WARTA KERAJAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

---

bersesuaian dengan mengambil kira peringkat umur penonton yang mungkin akan menontonnya dalam masa yang berkenaan.

- d) Penanda amaran hendaklah dinyatakan disamping tajuk-tajuk rancangan yang terdapat di dalam surat-surat khabar, majalah-majalah TV, promosi-promosi rancangan dan juga di dalam pengumuman yang ke udara sebelum rancangan-rancangan disiarkan dan semasa rancangan disiarkan.

### **4. Tontonan Keluarga**

- a) Rancangan-rancangan yang khusus untuk ditonton dan didengar oleh seisi keluarga mestilah jenis-jenis rancangan yang sesuai ditonton atau didengar oleh ahli-ahli keluarga di setiap peringkat umur, sama ada secara berseorangan ataupun secara berkelompok.
- b) Rancangan-rancangan yang khusus untuk ditonton oleh kanak-kanak di bawah umur 12 tahun hendaklah disiarkan pada tempoh-tempoh masa yang awal dalam siaran rancangan-rancangan yang disiarkan dalam satu-satu hari.
- c) Rancangan-rancangan televisyen yang khusus bagi tontonan peringkat dewasa hendaklah disiarkan pada tempoh-tempoh masa di mana kanak-kanak tidak mungkin akan menontonnya.
- d) Penanda amaran "PG" (Parental Guidance/bimbingan ibu bapa) hendaklah dinyatakan untuk rancangan-rancangan yang memerlukan bimbingan ibu bapa atau yang mungkin bersifat sensitif ; seperti, rancangan-rancangan yang mengandungi tema-tema atau babak-babak kedewasaan yang memaparkan keganasan, cerita-cerita seram dan kuasa-kuasa ghaib. Di kaca televisyen, penanda amaran PG itu bolehlah juga diiringi dengan keterangan seperti "oleh kerana tema-tema dewasa, bimbingan ibu bapa adalah dinasihatkan".

### **5. Rancangan Kanak-kanak**

- a) Rancangan kanak-kanak hendaklah tidak mengandungi babak-babak keganasan, seram ataupun seks.
- b) Rancangan kanak-kanak hendaklah memperkenan konsep Melayu Islam Beraja dan menanamkan dan mempertingkatkan sifat hormat kepada :
- i) undang-undang dan tatasusila ;
  - ii) ibu bapa dan orang-orang tua ;

- iii) sesama sendiri termasuk harta benda mereka dalam bermasyarakat ; dan
  - iv) keperibadian mulia.
- c) Rancangan-rancangan hendaklah mengandungi nilai-nilai yang positif dengan membuat perbezaan jelas antara nilai yang baik dan buruk dan hendaklah menonjolkan nilai-nilai moral yang baik.
  - d) Rancangan-rancangan yang disiarkan mestilah tidak mengandungi babak-babak yang menggambarkan :
    - i) kegiatan atau aktiviti-aktiviti meminum arak, merokok, penyalahgunaan dadah atau mempromosikan kegiatan meminum arak, merokok atau penyalahgunaan dadah (selain daripada ianya disiarkan dengan tujuan untuk memberikan pendidikan terhadap kesan-kesan negatifnya) ;  
atau
    - ii) tanda-tanda perniagaan/nama perniagaan yang berkaitan dengan arak atau dadah yang diharamkan.
  - e) Rancangan-rancangan yang disiarkan yang mengandungi babak-babak yang menggambarkan tanda-tanda perniagaan atau nama perniagaan yang berkaitan dengan rokok hendaklah terlebih dahulu dibenarkan oleh Menteri yang bertanggungjawab bagi perkara-perkara penyiaran.
  - f) Rancangan-rancangan yang merupakan keganasan yang berlebihan terhadap insan yang lain, binatang, termasuk gambar deretan lukisan (animation/cartoon) mengenai manusia atau binatang dan harta benda hendaklah dielakkan dari disiarkan untuk tontonan kanak-kanak.
  - g) Rancangan-rancangan yang disiarkan khas untuk kanak-kanak hendaklah tidak diakhiri dengan cara yang boleh menganggu atau mempengaruhi secara negatif emosi kanak-kanak.

## 6. Nilai-nilai Akhlak dan Sosial Awam

- a) Kemurnian institusi keluarga mestilah dipertahankan dan perceraian hendaklah jangan disifatkan secara sambil lewa.
- b) Perzinaan, hubungan sejenis, ibu membujang (atas pilihan sendiri) dan perhubungan seks secara sembarang atau bebas hendaklah jangan disifatkan dengan suatu cara yang

## WARTA KERAJAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

---

menunjukkan atau menimbulkan simpati atau tarikan terhadap perbuatan sedemikian.

- c) Maklumat atau tema-tema mengenai hubungan sejenis atau yang serupa hendaklah disifatkan dengan kewaspadaan. Penyiaran mengenainya hendaklah tidak menggalakkan, menunjukkan atau membayangkan penerimaan terhadap corak hidup sedemikian. Babak-babak yang sangat jelas yang menunjukkan kegiatan perhubungan seksual atau perhubungan sejenis hendaklah tidak disiarkan sama sekali.
- d) Senda gurau, serak isyarat ("gestures"), lirik-lirik lagu, dialog-dialog termasuk sari kata yang kurang sopan hendaklah dielakkan.
- e) Rancangan-rancangan yang memaparkan dan/atau menimbulkan sifat-sifat diskriminasi terhadap orang-orang lain dari segi kurang berkeupayaan (fizikal atau mental), usia tua, rendah pendapatan atau kedudukan, bangsa, kerakyatan, warna atau ugama hendaklah dielakkan. Keperluan ini, walau bagaimanapun tidaklah dihasratkan untuk menghalang sebarang siaran bahan rancangan yang berupa :
  - i) fakta ; atau
  - ii) penerangan pendapat yang diperolehi secara objektif atau pendapat tulin yang terkandung di dalam siaran berita atau rancangan-rancangan hal ehwal semasa ; atau
  - iii) jenaka atau drama, yang dihasilkan tanpa mempunyai hasrat yang tidak berpatutan.
- f) Adegan bercumbu-cumbuan atau hubungan rapat jasmaniah ("physical intimacy") yang berupa seksual hendaklah dielakkan dari rancangan-rancangan yang disiarkan.

### 7. Kelakuan/Kegiatan Anti-Sosial dan Tidak Sempurna

- a) Sifat-sifat tamak, rasuah, tidak hormat kepada ibu bapa dan orang tua dan penderaan kanak-kanak, penyalahgunaan dadah, meminum minuman arak dan merokok hendaklah tidak dipaparkan sebagai suatu kebaikan atau yang boleh diterima. Sifat-sifat tersebut mestilah dihadkan kepada keperluan sesuatu jalan cerita filem atau watak tertentu sahaja.
- b) Rancangan-rancangan mestilah tidak menonjolkan atau mengagumi sesuatu watak atau pihak individu yang mempunyai rekod kesalahan jenayah. Jika adanya sesuatu keperluan bagi memaparkan individu sedemikian, perhatian penting perlu diberikan bagi mengelakkan penerimaan negatif

diberikan kepada para penonton (terutama sekali bagi rancangan hasilan tempatan).

- c) Babak-babak yang menggambarkan kegiatan memugut, keganasan samseng (misalnya, kumpulan motorsikal) hendaklah tidak diperlihatkan sebagai satu sifat yang boleh dikagumi atau yang mempunyai daya tarikan penuh.
- d) Rujukan terhadap kekurangan dari segi mental dan fizikal mestilah diberikan perhatian agar tidak menyinggung mana-mana pihak yang mengalami kekurangan tersebut.
- e) Rancangan-rancangan yang berupa cerpen, drama, hikayat, al-kisah, jenaka atau seumpamanya yang menggambarkan perbuatan atau kata-kata yang kurang sempurna hendaklah dihindarkan langsung.

#### 8. Jenayah dan Keganasan

- a) Rancangan-rancangan mengenai jenayah dan kegiatan melakukan jenayah hendaklah tidak diberikan penonjolan atau penyanjungan. Ianya hendaklah memaparkan falsafah bahawa kegiatan yang berunsurkan jenayah tidak membawakan keuntungan ("crime does not pay").
- b) Saranan bahawa keadilan (selain dari proses kehakiman) dapat diperolehi melalui keganasan hendaklah dielakkan. Sebarang pengecualian dari yang tersebut mestilah mengambil kira zaman di mana rancangan berkenaan mempamerkan dan nilai-nilai yang wujud pada masa-masa itu, dengan menyebutkan mana-mana jua ciri baik yang ada mengenai zaman itu untuk menyelamatkan sebarang keganasan yang berlaku.
- c) Gambaran kegiatan keganasan yang berlebihan atau penderitaan, seperti gambaran dekat dan terperinci mengenai seseorang yang dibunuh secara kejam atau diseksa atau dirogol, hendaklah dikurangkan.
- d) Gambaran secara grafik mengenai keganasan, seperti penggunaan senjata tajam bagi pemotongan bahagian badan dan pancutan darah hendaklah dielakkan.
- e) Penggunaan binatang bagi sebarang watak dalam rancangan hendaklah dilakukan pada tahap yang berperikemanusiaan.

#### 9. Seks

- a) Segala rancangan yang memaparkan, sama ada secara gambaran atau pertuturan, secara tersirat atau jelas hendaklah dielakkan sama sekali (sama ada secara langsung atau tidak langsung).

- b) Segala rancangan-rancangan mengenai AIDS, kawalan kehamilan, dan sebagainya hendaklah diberikan perhatian agar tidak menyinggung kesopanan dan peribadi.

**10. Kebogelan**

- a) Rancangan-rancangan yang mengambarkan kebogelan atau kata-kata lucu yang disiarkan bagi maksud untuk menghairahkan penonton atau pendengarnya hendaklah tidak disiarkan.

**11. Seram dan Luar biasa**

- a) Rancangan-rancangan yang mengandungi gambaran seram dan luar biasa hendaklah hanya disiarkan dalam tempoh masa siaran di mana kanak-kanak tidak mungkin akan menontonnya.
- b) Perhatian hendaklah diamalkan untuk memastikan bahawa rancangan-rancangan berkenaan adalah tidak terlalu kerap atau sering disiarkan.
- c) Penyuntingan hendaklah dibuat untuk menapis gambaran seram yang berlebihan.

**12. Perjudian dan Penilikan**

- a) Babak-babak yang mempamerkan perjudian dan penilikan hendaklah disampaikan dengan perhatian dan dengan cara yang tidak menggalakkan atau memberikan tatacara mengenainya kepada penonton.
- b) Pemancaran mengenai lumba kuda dan sebarang panduan perjudian yang lain adalah sama sekali ditegah.

**13. Rancangan Fakta**

- a) Rancangan-rancangan fakta seperti berita, hal ehwal semasa dan dokumentari hendaklah menyampaikan maklumat secara objektif, adil, tepat dan seimbang.
- b) Rancangan berita tempatan, hal ehwal semasa dan dokumentari yang menggambarkan orang-orang kenamaan (seperti ketua negara, pemimpin-pemimpin masyarakat dan seumpamanya) hendaklah tidak digunakan atau dipaparkan dengan cara yang boleh mengugurkan martabat atau hormat orang ramai terhadap mereka.
- c) Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam atau ajensi-ajensinya adalah diberikan hak tindak balas bagi membetulkan sebarang kesalahan, kesilapan, kekurangan atau kekeliruan laporan yang disiarkan.

- d) Kesalahan atau kesilapan nyata yang didapati, yang berkenaan dengan laporan berita, hal ehwal semasa dan dokumentari hendaklah diperbetulkan dan disiarkan dengan serta merta.

**14. Rancangan Hiburan**

- a) Lirik-lirik lagu dan pakaian artis-artis dalam rancangan hiburan hendaklah mengikut tatasusila dan kesopanan yang berlandaskan konsep Melayu Islam Beraja (MIB).
- b) Muzik yang berkaitan dengan penyalahgunaan dadah, keganasan dan pemujaan-pemujaan yang diharamkan oleh ugama Islam dan yang lucah hendaklah dielakkan.
- c) Tarian-tarian hendaklah tidak dicorakkan bagi mempaparkan kegiatan seksual atau fantasi erotik.
- d) Lagu-lagu yang diharamkan oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam hendaklah tidak disiarkan.

**15. Bahasa**

- a) Bahasa yang harus digunakan dalam rancangan-rancangan berita, hal ehwal semasa dan dokumentari tempatan adalah bahasa Melayu Baku atau Bahasa Inggeris yang rasmi (yang mana satu boleh dikenakan).
- b) Kecuali dalam rancangan-rancangan tertentu yang bertujuan untuk meningkatkan budaya dan adat istiadat Brunei Darussalam, pihak penemuramah, pengacara, penemubual dan sebagainya, hendaklah menggunakan Bahasa Melayu Baku atau Bahasa Inggeris yang rasmi (yang mana satu boleh dikenakan) walaupun pihak yang ditemuramah atau ditemubual menggunakan bahasa loghat Brunei.
- c) Kata-kata yang kurang sopan, kurang sesuai, kurang manis dan sebagainya (sama ada secara langsung atau sebaliknya) dan yang boleh menyinggung mana-mana pihak, adalah ditegah.

**16. Pemukauan**

- a) Bagi sebarang siaran hiburan mengenai pemugaian, perhatian perlulah diberikan untuk mengurangkan risiko di mana para penonton akan turut terpugai.
- b) Pakar-pakar pugai hendaklah tidak membuat pertunjukkan terus kepada kamera. Siaran pemugaian melalui radio adalah ditegah sama sekali.

**17. Pesanan Tersembunyi**

- a) Penyiar-penyiar hendaklah tidak menggunakan proses yang dikenali sebagai "subliminal perception" atau teknik-teknik lain bagi memberikan maklumat di bawah atau di luar tahap kesedaran biasa.
- b) Selain daripada rancangan-rancangan yang mengandungi pesanan atau maklumat tersembunyi, rancangan-rancangan yang mengandungi pesanan atau maklumat yang dipancarkan dengan menggunakan grafik dan yang boleh mempengaruhi akal tanpa penonton menyadarinya, adalah juga ditegah penyiarannya.

**18. Penajaan Acara-acara**

- a) Semua siaran yang berkaitan dengan segala jenis dadah yang diharamkan dan arak adalah ditegah.
- b) Rancangan-rancangan sukan yang mana ditaja oleh syarikat-syarikat rokok hanya boleh disiarkan dengan syarat tanda-tanda perniagaan rokok adalah cuma kelebihan muncul dilatarbelakang aktiviti sukan berkenaan. Jika tanda-tanda perniagaan rokok atau nama syarikat rokok berkenaan adalah lebih menonjol daripada kegiatan sukan berkenaan, rancangan sedemikian hendaklah tidak disiarkan.

**19. Nilai-nilai yang perlu ditingkatkan**

Penerbit-penerbit rancangan (hasilan tempatan atau dari luar negeri) hendaklah memberikan perhatian bagi memastikan agar rancangan-rancangan mereka dapat mendatangkan hasil dari segi mengujudkan dan mempertingkatkan nilai-nilai berikut dikalangan penonton-penonton mereka di Negara Brunei Darussalam.

- a) nilai-nilai akhlak yang dituntut oleh Ugama Islam dan konsep MIB ;
- b) sikap bertanggungjawab terhadap perkembangan Negara Brunei Darussalam ;
- c) keinginan untuk memperkembangkan diri sendiri di segi ilmu pengetahuan, kepakaran dan seumpamanya ;
- d) kepercayaan terhadap diri sendiri ;
- e) keinginan diri untuk tampil ke hadapan untuk menyumbangkan khidmat ke arah mencapai aspirasi dan wawasan negara.

## JADUAL KEDUA

### TATAAMALAN PENGIKLANAN

#### Pendahuluan :

- A. Tataamalan ini (selepas ini disebut sebagai "Tataamalan") adalah dikeluarkan di bawah Bab 9 Perintah Darurat (Penyiaran) 1997 dan dikenakan kepada semua iklan-iklan yang disiarkan atau dihasratkan untuk disiarkan melalui televisyen dan radio.
- B. Peruntukan-peruntukan yang terkandung dalam Tataamalan ini hendaklah diamalkan menurut hasrat dan maksudnya. Penyiar, termasuk penyunting dan penerbit rancangan-rancangan televisyen dan radio hendaklah memastikan iklan-iklan yang tidak memenuhi peruntukan-peruntukan dalam Tataamalan ini hendaklah tidak disiarkan.
- C. Semua iklan-iklan hendaklah tidak menyalahi undang-undang, sempurna dan jujur. Sebarang iklan yang bercanggah dengan kepentingan awam, keharmonian negara atau yang melanggar cita rasa yang baik atau tatasusila hendaklah tidak disiarkan.
- D. Dalam menyiaran sebarang iklan, nilai-nilai berikut hendaklah diperhatikan :
  - i) kepentingan negara, agama dan masyarakat secara umum ;
  - ii) kekeluargaan sebagai unit utama dalam satu-satu masyarakat ;
  - iii) sokong masyarakat dan hormat sesama sendiri ; dan
  - iv) muafakat, bukan persengketaan.
- E. Tataamalan ini bukan dihasratkan untuk menyekat atau menghadkan persaingan bebas di antara perniagaan-perniagaan.
- F. Kepentingan pelanggan hendaklah dipertahankan. Sebarang iklan yang disiarkan hendaklah tepat dan betul, dari segi maklumat yang disampaikan.
- G. Pengiklan mestilah mendapatkan kebenaran dari segi hak cipta terhadap audio dan/atau visual yang digunakan dalam iklan.

Garispandu berikut hendaklah dipatuhi dalam sebarang iklan yang dihasratkan untuk disiarkan :

## **WARTA KERAJAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

---

### **1. Dasar Negara**

- a) Sebarang iklan hendaklah tidak mengandungi gambaran atau pesanan yang boleh merupakan sebagai melanggar undang-undang, atau menampakkan bahawa kegiatan yang diharamkan undang-undang adalah kegiatan yang boleh diterima oleh masyarakat.
- b) Sebarang iklan mengenai arak, dadah yang diharamkan atau sebarang apa pun atau produk yang ditegah oleh undang-undang Negara Brunei Darussalam hendaklah tidak disiarkan.
- c) Sebarang iklan mengenai produk yang mempunyai tanda-tanda perniagaan rokok atau produk yang mempunyai nama perniagaan rokok hendaklah terlebih dahulu dibenarkan oleh Menteri yang bertanggungjawab bagi perkara-perkara penyiaran.
- d) Sebarang iklan hendaklah tidak, secara langsung atau sebaliknya, dihasratkan untuk mengugat keharmonian atau kestabilan negara.
- e) Sebarang iklan yang kelihatan sebagai bercanggah dengan kepentingan Negara Brunei Darussalam untuk mempertahanan, mengerat atau mengembangkan hubungan dengan negara-negara lain hendaklah tidak disiarkan.

### **2. Bangsa dan Ugama**

- a) Sebarang iklan hendaklah tidak mengandungi pernyataan atau pandangan yang boleh menjaskannya kekuahan pegangan aqidah Ahli Sunnah Wal-Jemaah di Negara Brunei Darussalam khasnya dan kekuahan ugama Islam di Negara Brunei Darussalam umumnya.
- b) Sebarang iklan hendaklah tidak menyebar, mendakwah atau secara tidak langsung memperkembangkan pandangan atau kepercayaan terhadap ugama lain selain dari ugama Islam.
- c) Sebarang iklan hendaklah tidak menggunakan aqidah ugama Islam atau ugama-ugama lain bagi penjualan sebarang produk atau perkhidmatan ; kecuali bagi penjualan yang berkaitan di masa bulan Ramadan.
- d) Sebarang iklan mengenai sebarang apa pun/produk yang diharamkan oleh ugama Islam atau diistilahkan sebagai haram oleh pihak ugama tertentu yang berkuasa, hendaklah ditiadakan.

### **3. Piawaian Moral/Keelokan Sosial**

- a) Sebarang iklan hendaklah tidak mengambarkan atau menampakkan sebagai sesuatu yang boleh diterima, sebarang nilai yang kurang dari segi keelokan dan moral.

- b) Gambaran yang berunsur seks sama ada secara langsung atau kiasan dan sindiran hendaklah ditiadakan dalam sebarang iklan.
- c) Sebarang iklan hendaklah tidak mempromosikan nilai-nilai kebendaan semata-mata.
- d) Sebarang iklan yang menyinggung cita rasa murni atau yang menggambarkan (secara langsung atau kiasan dan sindiran) kegiatan anti-sosial hendaklah ditiadakan.

#### 4. Kanak-kanak dan Iklan

- a) Sebarang iklan hendaklah tidak menganjur nilai-nilai yang bercanggah dengan konsep berwar-galat di antara kanak-kanak dan orang tua (misalnya, tidak hormat atau mencabar orang-orang tua).
- b) Sebarang iklan yang khas ditujukan kepada kanak-kanak, atau ditempatkan dalam sebarang rancangan yang mungkin ditontoni atau didengar oleh kanak-kanak, hendaklah tidak mengandungi gambaran atau kata-kata yang boleh mendatangkan bahaya secara fizikal, emosi atau moral.
- c) Sebarang iklan yang menggunakan kanak-kanak hendaklah diberi perhatian yang teliti dari segi pandangan keselamatan dan hendaklah tidak memaparkan mereka melakukan sesuatu yang boleh membahayakan diri mereka sendiri atau orang lain.
- d) Sebarang iklan yang khas ditujukan kepada kanak-kanak atau yang menggunakan kanak-kanak hendaklah tidak menunjukkan gambaran, amalan=nilai yang negatif/kurang manis/kurang sopan.

#### 5. Dakwaan/Tuntutan dan Perbandingan

- a) Sebarang iklan hendaklah tidak mengandungi dakwaan atau perbandingan yang mengelirukan dengan secara langsung atau sebaliknya, atau diperbesar-besarkan.
- b) Semua dakwaan dan perbandingan yang disahkan secara objektif hendaklah boleh dibuktikan.
- c) Perbandingan dengan produk-produk atau perkhidmatan yang lain adalah diterima dengan syarat ianya berdasarkan fakta dan tidak mencela sama ada secara langsung atau kiasan dan sindiran.

#### 6. Promo Rancangan

- a) Sebarang promo rancangan yang menggambarkan keganasan yang berlebihan, seram dan gambaran dekat mengenai kegiatan

## **WARTA KERAJAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

---

melakukan tubuh badan dan luka yang berlumuran darah hendaklah tidak disiarkan.

- b) Iklan-iklan mengenai sebarang filem yang ditegah oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam hendaklah tidak disiarkan.

### **7. Orang Kenamaan**

Gambaran orang-orang kenamaan atau organisasi hendaklah tidak digunakan dalam sebarang iklan dengan cara yang boleh mengugurkan martabat atau hormat orang ramai terhadap mereka.

### **8. Ketetapan Ahli Profesional**

Jika sebarang ketetapan yang dibuat oleh seseorang profesional akan diiklankan, kebenaran awal hendaklah didapatkan terlebih dahulu daripada badan-badan profesional yang berkenaan.

### **9. Penggunaan Lambang dan Lagu Kebangsaan**

Sebarang iklan yang menggunakan bendera negara, bangunan-bangunan, Istana, Masjid, bangunan rasmi Kerajaan lambang negara, lagu kebangsaan atau bendera negara-negara lain hendaklah terlebih dahulu mendapatkan kebenaran awal secara bertulis dari Jabatan Perdana Menteri dan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri.

### **10. Barang/Alat Perubatan**

Kebenaran bertulis daripada Kementerian Kesihatan hendaklah terlebih dahulu didapatkan sebelum sebarang iklan mengenai produk atau alat-alat perubatan atau iklan yang mengandungi ketetapan/tuntutan perubatan, disiarkan.

### **11. Tempahan Melalui Persuratan (mail order)**

Sebarang iklan mengenai tempahan melalui persuratan (mail order) hendaklah memenuhi syarat-syarat berikut :

- i) nama pengiklan dan alamatnya jelas dan lengkap dinyatakan ;
- ii) persiapan yang cukup telah dibuat bagi membolehkan pemanggil membuat pertanyaan di alamat pengiklan yang dinyatakan semasa waktu perniagaan biasa ;
- iii) contoh atau barang-barang yang diiklan disediakan di alamat yang dinyatakan untuk pemeriksaan orang ramai ;

iv) jaminan diberikan oleh pengiklan bahawa mereka akan mengembalikan sebarang bayaran yang telah dibuat oleh mana-mana pelanggan yang tidak berpuas hati dengan barang yang dibeli asalkan barang berkenaan dikembalikan dalam tempoh masa yang telah ditetapkan oleh pengiklan.

**12. Lain-lain**

- a) Mempromosikan secara langsung atau sebaliknya kegiatan/aktiviti perjudian adalah ditegah.
- b) Sebarang iklan yang khas disiarkan bagi mendakwah/menyebar/mengembangkan penilikan, atau lain-lain kepercayaan tahuul atau yang merujuk kepada kegiatan batin/ghaib adalah ditegah.
- c) Sebarang iklan mengenai peralatan dan perkhidmatan pengurusan jenazah adalah ditegah.
- d) Sebarang iklan hendaklah tidak menggunakan "subliminal advertising" yang boleh mempengaruhi akal penontonnya terhadap sebarang apa pun yang telah ditegah oleh tataamalan ini.
- e) Sebarang iklan mengenai tempat, ajensi atau perkhidmatan mengurut, atau pengiring sosial ("social escort") dan kegiatan-kegiatan yang kurang dihormati awam, adalah ditegah.

Diperbuat pada hari ini 25 haribulan Syaaban Tahun Hijrah 1419 bersamaan dengan 14 haribulan Disember, 1998.

PEHIN ORANG KAYA LAILA SETIA BAKTI DIRAJA  
DATO LAILA UTAMA HAJI AWANG ISA  
BIN PEHIN DATU PERDANA MANTERI  
DATO LAILA UTAMA HAJI IBRAHIM  
Menteri yang bertanggungjawab  
bagi perkara-perkara penyiaran,  
Jabatan Perdana Menteri,  
Negara Brunei Darussalam.